

02 OCT 2003

MBK-Mahathir

MBK ANJUR PROGRAM BESAR-BESARAN INGATI JASA DR MAHATHIR

KOTA BAHARU, 2 Okt (Bernama) -- Majlis Belia Kelantan (MBK) akan menganjurkan satu program khas secara besar-besaran selepas Hari Raya nanti bagi memperingati jasa Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad terhadap golongan belia semasa beliau mentadbir negara.

Yang Dipertua MBK Mohd Rosdan Abu Bakar berkata, program yang bakal dihadiri 20,000 belia itu akan turut dihadiri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang akan menggantikan Dr Mahathir.

Bercakap kepada Bernama di sini, hari ini, beliau berkata program itu khusus untuk memperingati jasa Dr Mahathir yang tidak terbilang dalam membela nasib golongan belia di negara ini.

Mohd Rosdan berkata sambutan itu yang diadakan di Universiti Teknologi Mara, Machang akan dipenuhi dengan segmen-segmen menarik seperti perarakan motosikal dan juga persembahan patriotik berteraskan semangat Malaysia Boleh iaitu slogan gagasan Perdana Menteri.

Dr Mahathir merupakan idola para belia di negara ini dan sumbangannya bagi golongan itu tidak boleh dinafikan oleh sesiapa dan pengunduran beliau daripada kerajaan walaupun pahit tetapi perlu diterima semua pihak.

"Jika boleh kita juga mahu menghimpunkan golongan belia yang berjaya atas slogan Malaysia Boleh itu bagi memberikan semangat kepada belia yang lain," katanya.

Beliau berkata ketika ini MBK sedang mengadakan rundingan dengan pelbagai pihak untuk menambah lagi beberapa program bagi menjadikan sambutan itu antara yang terbesar dianjurkan oleh belia di Kelantan.

Sementara itu MBK kecewa kerana Kerajaan Negeri Kelantan gagal menyediakan peluang pekerjaan kepada belia di negeri ini sehingga ramai di kalangan mereka terpaksa berhijrah ke negeri lain dan ada yang terjebak dengan gejala sosial.

"Mereka berhijrah ke negeri lain dalam usia yang masih belum matang yang akhirnya memberi beban kepada pertambahan gejala sosial di negeri lain," katanya.

Mohd Rosdan berkata demikian ketika mengulas kira-kira 15,000 lepasan universiti dan sekolah yang masih menganggur menyerbu Pesta Pekerjaan anjuran Jabatan Tenaga Kerja yang diadakan di sebuah hotel di sini baru-baru ini.

-- BERNAMA

ZI BD PR